



Soalan Topikal Struktur

1 Kemunculan dan kemasyhuran kerajaan Alam Melayu membuktikan asas negara bangsa telah bermula sebelum kedatangan Barat.

(a) Nyatakan kerajaan Alam Melayu yang muncul di Alam Melayu sebelum kedatangan Barat.

[2 markah]

(b) Jelaskan ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu.

[4 markah]

(c) Bagaimanakah cara memelihara warisan bangsa supaya berkekalan? Kemukakan alasan anda.

[4 markah]

1 (a) Kerajaan di Tanah Besar

- Funan
- Angkor
- Champa
- Kedah Tua
- Gangga Nagara

Kerajaan di Kepulauan

- Majapahit
- Srivijaya

[Mana-mana fakta berkaitan]

(b) Raja

- Tonggak utama kerajaan
- Dibantu oleh para pembesar
- Memperoleh ketaatan daripada rakyatnya
- Raja sentiasa ditaati dan dianggap suci

Undang-undang

- Memastikan kesejahteraan kerajaan
- Terpakai di seluruh wilayah pengaruh / Panduan dalam pentadbiran kerajaan

Wilayah pengaruh

- Kawasan yang rakyatnya menerima dan memperakui pemerintahan seseorang raja

Rakyat

- Penduduk di dalam sesebuah wilayah yang setia kepada raja

[Mana-mana fakta berkaitan]

(c) • Menanam rasa cinta kepada warisan bangsa

- Mewarisi budaya bangsa
- Menjadikan warisan UNESCO
- Menubuhkan pusat mempelajari warisan negara

[Mana-mana fakta berkaitan]